

SIARAN MEDIA

KPKT GEMPUR PROJEK PERUMAHAN SAKIT PR1MA DAN PPAM BAGI MEMASTIKAN PROJEK SIAP DAN DAPAT DISERAHKAN KEPADA PEMBELI

KUANTAN, 9 November 2023 - Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir hari ini mengadakan lawatan turun padang ke Kuantan, Pahang bagi melihat sendiri status terkini projek pembangunan swasta sakit di bawah Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) iaitu **Taman 1-Icon** dan projek di bawah pemajuan PR1MA Corporation Malaysia iaitu **PR1MA @ D' Marina**.

Taman 1-Icon merupakan projek PPAM yang terletak di Kuala Kuantan, Kuantan yang dimajukan oleh pemaju swasta Evocon Properties Sdn. Bhd. Pemajuan ini melibatkan pembinaan sebanyak 75 unit rumah teres 2 tingkat dan telah mencapai kemajuan sebanyak **94 peratus** secara keseluruhan. Projek yang dimulakan pada tahun 2020 ini masih belum memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC) penuh. Perjanjian pertama telah ditandatangani pada 28 Disember 2020 dan projek sepatutnya siap pada 28 Mei 2023. Sehingga kini, kerja-kerja bangunan telah siap sepenuhnya dan baki penyiapan bagi pemajuan ini hanyalah kerja-kerja infrastruktur melibatkan sistem pembetulan dan kerja-kerja jalan.

Manakala bagi projek **PR1MA @ D'Marina** merupakan projek sakit yang terdiri daripada 523 unit rumah teres dan sehingga kini 98% telah terjual. Ia dilengkapi fasiliti seperti surau dan taman permainan. Menurut kontraktor lantikan PR1MA iaitu Sinergi Dayang Sdn Bhd, projek ini telah siap sepenuhnya dengan status kemajuan sebanyak **99 peratus** dan kerja-kerja rektifikasi unit rumah kini sedang giat dijalankan. Projek ini dijangka menerima CCC daripada Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) pada akhir November 2023. Bagi meredakan keresahan para pembeli, PR1MA telah membuat pembayaran awal sebahagian *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) bernilai RM300,000 kepada 64 orang pembeli bagi membantu mengurangkan beban kewangan yang disebabkan kelewatan projek ini.

Menurut YB Akmal, “Pasukan *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) dengan kerjasama PR1MA dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi lain akan meneruskan usaha bagi memastikan projek-projek perumahan swasta sakit dapat kembali lancar dan disiapkan mengikut tempoh yang dirancang. Selain itu, PR1MA telah memberikan komitmen untuk menyelesaikan kesemua baki 13 projek sakit PR1MA di seluruh negara sebelum penghujung 2024”.

KPKT akan terus komited dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemudah cara antara agensi Kerajaan dan pemaju perumahan swasta dalam menyediakan kediaman yang berkualiti dalam memacu pembangunan serta menjayakan agenda utama KPKT ini demi kesejahteraan para pembeli rumah yang terjejas selaras dengan prinsip-prinsip Malaysia MADANI.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

